



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT
PEGAWAI DAN ANGGOTA POLIS BANTUAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

OLEH

YANG DIHORMATI *DEPUTY COMMISSIONER OF
POLICE (DCP) DATO' ROSLEE BIN CHIK*
TIMBALAN KETUA POLIS NEGERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
15 MAC 2019 (JUMAAT)
9.30 PAGI

**PERKARANGAN LOBI MENARA MPSP
BANDAR PERDA
BUKIT MERTAJAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

Yang Dihormati Dato' Roslee bin Chik

Deputy Commissioner of Police (DCP)

Timbalan Ketua Polis Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Dato' Mohamad Anil Shah Bin Abdullah

Senior Assistant Commissioner (SAC)

Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti

Ibu Pejabat Kontinjen Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Dihormati Nik Ros Azhan Nik Abdul Hamid

Assistant Commissioner of Police (ACP)

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah

Yang Dihormati Superintendent Siti Nor Salawati Binti Saad

Timbalan Ketua Polis Daerah

Wakil Kepada Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara

Yang Dihormati Superintendent Shafee Bin Abd. Samad

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Selatan

Yang Dihormati Superintendent Saravanan A/L Velu

Timbalan Ketua Polis Daerah (OP)

Wakil kepada Ketua Polis Daerah Timur Laut

Yang Dihormati Deputy Superintendent of Police(DSP) Jafri Bin Md Zain

Timbalan Ketua Polis Daerah

Wakil kepada Ketua Polis Daerah Barat Daya

**Yang Dihormati Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Polis Diraja Malaysia**

**Yang Berusaha Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Pegawai dan Anggota-Anggota Polis Bantuan
Majlis Perbandaran Seberang Perai**

Kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai dan Anggota Polis Bantuan Majlis Perbandaran Seberang Perai pada pagi yang berbahagia ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa kerana sudi meluangkan masa menghadiri majlis pada pagi yang berbahagia ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih juga kepada Yang Dihormati *Deputy Commissioner of Police* (DCP) Dato' Roslee bin Chik, Timbalan Ketua Polis Negeri Pulau Pinang di atas kesudian beliau untuk hadir dan menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai dan Anggota Polis Bantuan Majlis Perbandaran Seberang Perai ini.

Saya mengalu-alukan kehadiran Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-Pegawai Atasan PDRM, Ahli-Ahli Majlis MPSP, Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, kakitangan-kakitangan MPSP serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai dan Anggota Polis Bantuan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang amat bermakna ini.

Yang Berhormat, Yang Dihormati Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Pasukan Polis Bantuan MPSP telah ditubuhkan pada 11 Julai 2001 dengan bilangan ke anggotaan seramai 30, yang terdiri dari seorang Inspektor, seorang Sarjan, dua (2) orang Koperal dan 26 Konstabel. Fungsi Penubuhan Pasukan Polis Bantuan MPSP adalah untuk:-

- i. Mengawal keselamatan di Mahkamah Majistret (Munisipal) MPSP.
- ii. Melaksanakan saman, sapina, waran, perintah memenjara dan proses-proses lain yang dikeluarkan dengan sah oleh mana-mana pihak berkuasa yang kompeten.
- iii. Menjaga harta dan aset MPSP daripada hilang atau rosak.

- iv. Mengawal selia ketenteraman dan keselamatan semasa jabatan-jabatan lain mengambil tindakan penguatkuasaan.
- v. Membantu pihak PDRM untuk tugas penyuraian trafik semasa waktu puncak.
- vi. Kawalan keselamatan semasa majlis rasmi yang dianjurkan oleh MPSP dan juga Kerajaan Negeri.

Sejajar dengan Penjenamaan Semula Pasukan Polis Bantuan MPSP di bawah Pelan Strategik MPSP 2018-2022, di mana usaha meningkatkan imej dilaksanakan dengan memperkemaskan penampilan anggota Polis Bantuan. Kenaikan pangkat adalah salah satu perancangan dalam memastikan kelancaran dan mutu kerja yang terbaik Pasukan Polis Bantuan.

MPSP juga telah menghantar seorang pegawai menjalani Latihan Kursus Asas Pegawai Kanan Polis Bantuan Siri 1/2017 yang dianjurkan oleh pihak PDRM buat kali pertama di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur dan telah menamatkan latihan dengan jayanya dan memegang jawatan sebagai Penolong Penguasa Polis (ASP) Polis Bantuan. Pegawai tersebut merupakan satu-satunya wakil tunggal Pihak Berkuasa Tempatan yang menjalani latihan tersebut.

Selain itu, seramai enam (6) anggota telah dihantar ke Kursus Asas Polis Bantuan 2018 siri 3/2018-2019 di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur dan telah menamatkan latihan dengan jayanya dan telah ditempatkan di Unit Polis Bantuan pada 18 Januari 2019.

Yang Berhormat, Yang Dihormati Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Polis Bantuan MPSP menjalankan tugas yang amat berbeza berbanding dengan tugas Polis Bantuan di agensi-agensi lain. Dengan tenaga anggota seramai 30 orang, Pasukan Polis Bantuan MPSP bertanggungjawab menjaga aset MPSP yang bertebaran di seluruh kawasan pentadbiran MPSP iaitu keseluruhan Seberang Perai dengan keluasan 755 km persegi dan jumlah penduduk seramai 897,600 orang (54% daripada keseluruhan penduduk Pulau Pinang).

Polis Bantuan MPSP telah melaksanakan kawalan Mahkamah Majistret (Munisipal) MPSP dari tahun 2012-2018 sebanyak 1,051 sidang; menyerahkan saman kepada 25,523 Orang Kena Saman (OKS) yang melakukan pelbagai jenis kesalahan munisipal seperti kesalahan meletak

kenderaan, pelesenan dan pembangunan serta kerja tanah; dan juga melaksanakan waran (tangkapan) ke atas 2,214 pesalah.

Polis Bantuan MPSP juga terlibat dalam mengawal selia ketenteraman dan keselamatan semasa jabatan-jabatan lain mengambil tindakan penguatkuasaan, kawalan keselamatan aset-aset MPSP serta kawalan trafik semasa majlis-majlis rasmi anjuran MPSP dan juga Kerajaan Negeri dan membantu pihak PDRM dalam operasi bersepadu seperti tangkapan parkir haram, gelandangan dan kawalan lalulintas serta penyuraian trafik semasa waktu puncak.

Dari tahun 2012 sehingga 2018, Polis Bantuan MPSP telah melaksanakan 861 penguatkuasaan ke atas aktiviti parkir haram di mana seramai 29 orang telah ditangkap dan dihadapkan di mahkamah. Selain itu, sebanyak 1,185 kompaun kerja tanah telah dikeluarkan dan menyita 93 jentera di atas kesalahan-kesalahan kerja tanah.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Dihormati Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian, MPSP dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memasang sebanyak 130 buah CCTV di seluruh kawasan Seberang Perai untuk memantau pergerakan lalulintas, pembuangan

sampah haram, kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan jalan, kegiatan dan aktiviti penjaja dan peniaga, aktiviti pengiklanan, anjing liar dan lintasan “*pedestrian crossing*”. Mulai 28 Februari 2019 MPSP akan mula melaporkan kejadian kesesakan luarbiasa berkaitan lalulintas yang dipaparkan dalam CCTV di dalam Facebook MPSP. Kawalan CCTV adalah satu contoh kerjasama yang erat di antara MPSP dan PDRM dalam menangani jenayah kerana imej yang sama dapat dilihat di bilik Kawalan CCTV MPSP dan Bilik Kawalan di IPD serta IPK. Saya berharap kerjasama ini dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Polis Bantuan MPSP juga ditugaskan untuk memantau dan menjaga keselamatan harta dan aset MPSP daripada pencerobohan, kehilangan, kerosakan dan sebagainya. Harta dan aset selain daripada kenderaan dan peralatan adalah lot-lot tanah, pasar-pasar awam, kompleks makanan, dewan-dewan, tempat-tempat letak kereta, depoh kontena, depoh sampah dan lain-lain lagi. Keseluruhan unit harta kepunyaan MPSP di pelbagai lokasi di Seberang Perai berjumlah 1,580 unit yang bernilai RM1,364,908,134.54.

Dalam melaksanakan tugas, ternyata MPSP memerlukan satu pasukan Polis Bantuan yang mantap supaya dapat melancarkan lagi perkhidmatan MPSP dan jumlah 30 orang anggota untuk melaksanakan

tugas-tugas Polis Bantuan MPSP di ketiga-tiga daerah Seberang Perai boleh dikatakan jumlah yang masih belum memadai. Adalah wajar tenaga anggota Polis Bantuan perlu ditambah dan MPSP memohon jasa baik PDRM untuk kelulusan penambahan anggota Polis Bantuan di masa terdekat.

Yang Berhormat, Yang Dihormati Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MPSP sentiasa berusaha untuk menaikkan imej Polis Bantuan dan bekerjasama dengan PDRM untuk menaikkan imej pasukan Polis Diraja Malaysia amnya. MPSP dan PDRM berganding bahu dalam bidang sukan khususnya sukan berbasikal. Yang Dihormati DCP Dato' Roslee dan kesemua OCPD adalah *cyclist* serta Timbalan OCPD Utara juga *cyclist*, kita harus memberi tepukan semangat kepada pegawai tertinggi PDRM di Pulau Pinang.

Majlis Pemakaian Pangkat kepada Pegawai dan Anggota Polis Bantuan MPSP yang diadakan hari ini merupakan acara keraian dalam pasukan beruniform. Majlis Pemakaian Pangkat ini adalah untuk meraikan kenaikan pangkat bagi seorang Penolong Penguasa Polis, seorang

Inspektor, seorang Sarjan Major, empat (4) orang Sarjan, empat (4) orang koperal dan tiga (3) orang Lans Koperal. MPSP ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak PDRM kerana telah meluluskan kenaikan pangkat anggota Polis Bantuan MPSP seramai 14 orang. Saya yakin dengan kenaikan pangkat dan penganugerahan pangkat yang baru dan dipakaikan sendiri oleh Yang Dihormati DCP Dato' Roslee, Timbalan Ketua Polis Negeri Pulau Pinang serta disaksikan oleh Pegawai Kanan PDRM akan memberi imej baru dan menyuntik semangat kerjasama di antara MPSP dengan PDRM.

SENARAI NAMA PEMAKAIAN PANGKAT POLIS BANTUAN

| BIL | NO. K/T | NO BADAN | NAMA ANGGOTA | PANGKAT |
|-----|---------|--------------|-------------------------------|-------------------------------|
| 1 | 19861 | ASP PB86234 | AMIRUL ARIFF BIN ABDUL RAHMAN | PENOLONG PENGUASA POLIS (ASP) |
| 2 | 10727 | INSP PB86231 | SOLEH BIN MUSA | INSPEKTOR |
| 3 | 10433 | SM PB6813 | NORLIA BINTI ARIFIN | SARJAN MAJOR |
| 4 | 13575 | SJN PB6934 | NOR AZIRA BINTI HUSSAIN | SARJAN |
| 5 | 13651 | SJN PB6917 | DZULKIFLI BIN SAPAR | SARJAN |
| 6 | 13490 | SJN PB6918 | KHAIRUL HAFIZON BIN MOHD NOR | SARJAN |
| 7 | 9825 | SJN PB6811 | MOHAMMAD ZUBIR BIN HARUN | SARJAN |
| 8 | 10505 | KPL PB6808 | ABU TALIB BIN ZAINAL ABIDIN | KOPERAL |
| 9 | 13473 | KPL PB6921 | HASSAN BIN HASHIM | KOPERAL |
| 10 | 13411 | KPL PB6929 | AHMAD SUKRI BIN SAAD | KOPERAL |
| 11 | 13531 | KPL PB6933 | MOHD HARFIZY BIN MOHD NOOR | KOPERAL |
| 12 | 13366 | L/KPL PB6919 | ABU HASSAN BIN HASHIM | LANS KOPERAL |
| 13 | 13425 | L/KPL PB6920 | ASRI BIN SALIM | LANS KOPERAL |
| 14 | 13558 | L/KPL PB6927 | MOHD SHOLIHIN BIN OTHMAN | LANS KOPERAL |

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada 14 Anggota Polis Bantuan yang dinaikkan pangkat. Polis Bantuan MPSP hendaklah meningkatkan mutu perkhidmatan secara menyeluruh, serta meningkatkan semangat jati diri dan disiplin melalui latihan dan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Polis Diraja Malaysia.

Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Dihormati *Deputy Commissioner of Police* (DCP) Dato' Roslee bin Chik, Timbalan Ketua Polis Negeri Pulau Pinang di atas kesudian beliau untuk hadir dan menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai dan Anggota Polis Bantuan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada anggota-anggota yang akan dipakaikan pangkat mereka pada hari ini, dan kepada Polis Bantuan keseluruhannya kerana telah berkhidmat selama 17 tahun di MPSP.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.